

**RANCANGAN : MESRA KOPERASI (IKIM.FM)  
MUSIM KE-9**

**TETAMU : DATUK SERI DR. ABDUL  
FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA  
PRESIDEN ASEAN CO-  
OPERATIVE ORGANIZATION  
(ACO)  
NAIB PRESIDEN  
INTERNATIONAL  
COOPERATIVE ALLIANCE  
ASIA DAN PASIFIK (ICA-AP)**

**TARIKH : 23 MEI 2024 (KHAMIS)**

**MASA : 9.30 – 10.00 PAGI**

**TOPIK : 53 TAHUN MENJULANG  
KEJAYAAN KOPERASI**

**1. Alhamdulillah sekali lagi kita dapat bersama dengan figura yang telah banyak menyumbang kepada kemajuan gerakan koperasi di negara ini iaitu Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah. Baiklah bagi permulaan boleh Datuk Seri berkongsi dengan para pendengar sejarah ANGKASA dan peranan yang dimainkan olehnya?**

- ANGKASA, atau Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, ditubuhkan secara rasmi pada 12 Mei 1971. Penubuhan ANGKASA adalah hasil daripada Kongres Koperasi Kedua yang bertujuan untuk menyatukan semua koperasi di Malaysia di bawah satu badan nasional. Sebagai badan puncak gerakan koperasi di Malaysia, ANGKASA memainkan peranan utama dalam menyelaraskan dan memperkasakan gerakan koperasi di negara ini.
- Sejarah gerakan koperasi di Malaysia bermula seawal tahun 1922 dengan pengenalan undang-undang koperasi pertama, iaitu Enakmen Koperasi, oleh kerajaan British. Koperasi pertama yang didaftarkan ialah Persatuan Simpanan dan Pinjaman Koperasi Telekom dan Telekomunikasi pada tahun yang sama.

- Sejak penubuhannya, ANGKASA telah diberi mandat untuk mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa, memastikan koperasi terus berkembang dan memberi sumbangan signifikan kepada ekonomi negara.
- Visi ANGKASA adalah untuk menjadi pemacu unggul kelestarian sosioekonomi gerakan koperasi. Untuk mencapai visi ini, ANGKASA telah memperkenalkan Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50) yang memberi tumpuan kepada empat tonggak utama: ekonomi, ekosistem, tadbir urus, dan inovasi.
- Setiap tonggak ini dirancang untuk memperkukuh infrastruktur organisasi ANGKASA dan memastikan gerakan koperasi terus relevan dan berdaya saing dalam mencapai matlamat sosioekonomi.
- Peranan ANGKASA yang telah digariskan dalam Undang Undang Kecil ANGKASA 10(1) iaitu:
  - i. Menyatukan semua koperasi dalam Malaysia;
  - ii. Mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

iii. Memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi ahli khususnya dan gerakan koperasi umumnya; dan  
iv. Memudahkan operasi koperasi ahli.

- Peranan ANGKASA juga meliputi pelbagai inisiatif termasuk sistem pemotongan gaji untuk anggota koperasi, pembangunan modal insan, dan program pembangunan koperasi melalui anak syarikat.
- Selain itu, ANGKASA juga terlibat dalam program Cooperative Social Responsibility (CSR) dalam membantu golongan memerlukan selaras dengan Prinsip Ketujuh Koperasi iaitu Berprihatin Terhadap Masyarakat. Program COOPCARE Koperasi Prihatin Sejuta Pokok pula diteruskan dalam menunjukkan komitmen ANGKASA terhadap kelestarian.

**2. Jadi apa perkara yang Datuk Seri boleh kongsi berkenaan pencapaian semasa ANGKASA dan kami dimaklumkan proses transformasi sedang berjalan. Mohon penjelasan Datuk Seri berkenaan perkara ini.**

- Antara fokus utama yang sedang berjalan adalah merealisasikan tindakan dalam PESAN50 untuk memastikan organisasi ini terus mampan dan mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada ahlinya.
- Pelan strategik ini disusun sejajar dengan aspirasi kerajaan yang terkandung dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Dasar Keusahawanan Nasional 2030, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025, Rancangan Malaysia Ke-12, dan Dasar Koperasi Malaysia 2030, serta Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals)
- Pada tahun 2023, ANGKASA telah berjaya menjalankan inisiatif meliputi Tonggak Ekonomi, Ekosistem, Tadbir Urus, dan Inovasi dengan pencapaian sebanyak 99%. Kejayaan ini menunjukkan komitmen

ANGKASA dalam memenuhi perubahan dan keperluan semasa.

- Transformasi yang sedang dilaksanakan bertujuan memperkukuh kedudukan ANGKASA sebagai badan puncak dan meningkatkan kecekapan pengurusan gerakan koperasi. Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri juga diminta untuk melihat kembali pelan strategik ini sebagai model agar selari dengan matlamat jangka panjangnya.
- Antara usaha-usaha transformasi yang dijalankan termasuklah pelbagai projek perniagaan di setiap negeri untuk membantu koperasi menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran terbuka. Contohnya, projek ternakan ayam kacuk di Selangor, homestay rumah rakit dan pelancongan di Pahang, serta pengeluaran dan eksport durian Musang King dan Black Thorn juga di Pahang. Projek-projek ini bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan koperasi tetapi juga memperkasa ekonomi setempat.
- Di samping itu, ANGKASA juga memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pelancongan dan kesihatan melalui program

COOPUMRAH, serta jaringan Coophotel, Coopstay, Coopspa, Cooplodge, dan Coopfarmasi yang berjaya mencatatkan perolehan sebanyak RM36 juta pada tahun 2023.

- Usaha-usaha transformasi ini penting bagi memastikan koperasi mendapat manfaat yang berimpak tinggi melalui pengurusan yang lebih efisien, proaktif, dan berdaya saing. ANGKASA terus komited dalam menjadi pemangkin kecemerlangan sosioekonomi gerakan koperasi ke arah globalisasi .
- Dengan pencapaian dan usaha transformasi yang sedang dijalankan, saya yakin bahawa ANGKASA akan terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh dan memperkasa gerakan koperasi di Malaysia, selari dengan visi dan misi organisasi.

### **3. Selain pasaran domestik, penguasaan pasaran antarabangsa juga adalah penting bagi memastikan daya saing sesebuah perusahaan. Jadi apa langkah ANGKASA mengangkat produk dan perkhidmatan koperasi ke peringkat global?**

- Usaha ANGKASA mengantarabangsakan produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia ke negara luar adalah langkah strategik yang berterusan dan melibatkan pelbagai inisiatif. Sebagai Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan Naib Presiden International Cooperative Alliance Asia dan Pasifik (ICA-AP), saya komited untuk mengetengahkan kelebihan dan keistimewaan produk koperasi di Malaysia.
- Setiap anggota Lembaga ANGKASA juga diberikan kedudukan di peringkat antarabangsa dan telah menjalankan tugas dengan baik dalam membawa produk koperasi negara ke persada global. Kedudukan ini menunjukkan kepercayaan masyarakat dunia terhadap kepimpinan koperasi Malaysia dan membolehkan ANGKASA menyediakan akses pasaran global, meningkatkan kualiti produk dan



perkhidmatan, serta menjana pertumbuhan ekonomi koperasi yang mampan.

- ANGKASA memperkukuhkan hubungan dengan koperasi luar negara melalui kerjasama strategik. Misalnya, pada tahun lalu, ANGKASA menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan National Commission on Muslim Filipinos untuk meningkatkan ekonomi umat Islam di Filipina melalui platform koperasi.
- Kerjasama ini merupakan antara langkah awal bagi membuka peluang lebih besar bagi produk Halal Malaysia untuk menembusi pasaran ASEAN yang mempunyai populasi kira-kira 240 juta umat Islam
- Di Filipina dan Kemboja, promosi penubuhan Koperasi Kariah Masjid sedang giat dijalankan. Ini bertujuan membuka peluang perdagangan bilateral antara negara. Dengan lebih banyak Koperasi Kariah Masjid ditubuhkan di luar negara, ANGKASA akan lebih agresif mempromosikan produk koperasi Malaysia mengikut segmen pasaran yang sesuai

- ANGKASA juga memperkasa pembangunan produk koperasi melalui inisiatif 100 Champion, yang membantu koperasi membangunkan dan memasarkan produk mereka di pasar tempatan dan antarabangsa. Dari tahun 2016 hingga 2022, sebanyak 232 SKU dari 75 buah koperasi telah dieksport ke luar negara, termasuk Thailand, Kemboja, Filipina, Singapura, Indonesia, dan Brunei. ANGKASA terus berusaha meluaskan pasaran ke rantau Asia Pasifik.
- Dengan komitmen yang tinggi dan pelbagai usaha strategik, ANGKASA terus berusaha memastikan produk dan perkhidmatan koperasi Malaysia dapat bersaing di pasaran global, sekaligus meningkatkan ekonomi koperasi secara keseluruhan. Usaha-usaha ini bukan sahaja memberi manfaat kepada koperasi tempatan tetapi juga membantu memperkukuh ekonomi negara melalui perdagangan antarabangsa.

**4. Bagi menutup sesi kita pada pagi ini, apa harapan Datuk Seri kepada usaha – usaha yang dijalankan ANGKASA dan juga pertumbuhan gerakan koperasi pada masa hadapan?**

- Pertama sekali, saya berharap agar pihak kerajaan akan terus memberikan sokongan penuh kepada inisiatif ANGKASA melalui komitmennya dalam pembangunan bertersusan gerakan koperasi agar lebih berdaya saing dan menyediakan landskap serta ekosistem yang memudahkan koperasi untuk bergerak dalam pasaran.
- Kedua, saya berharap agar gerakan koperasi terus meneroka bidang baharu dan berkembang melalui kepelbagaian aktivitinya sertamemainkan peranan yang lebih besar dalam ekonomi negara. Ini termasuk meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat. Koperasi perlu memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk kekal relevan dan berdaya saing dalam era digital ini.

- Ketiga, saya koperasi lebih terbuka dalam menjalankan kerjasama bagi meluaskan lagi sektor yang boleh diecebur. Ini termasuk mengadakan kerjasama dengan sektor swasta di mana ini akan membolehkan koperasi mendapat sokongan yang diperlukan dari segi kepakaran dan peluasan pasaran, seterusnya mempercepatkan pertumbuhan dan keberhasilan gerakan koperasi di Malaysia.
- Yang terakhir, sokongan koperasi kepada ANGKASA juga amatlah penting kerana ANGKASA komited untuk menyokong kepada pembangunan berterusan gerakan koperasi. Ini termasuk menjadi suara gerakan di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Usaha – usaha ini diharap akan dapat menyediakan persekitaran lagi yang lebih dinamik, berdaya saing, dan memberi berimpak positif kepada kelestarian sosiekonomi negara.